KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
Aras 3- 7, Blok E3, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

SIRIM
CERTIFIED TO MS ISO 9001:2008
Reg. No: AR 1014

Tel : (03) 8892 4838/4840/4998
Fax : (03) 8892 4809
http://engineering.moh.gov.my/

*Ruj Kami:* ( ) KKM-159/SER/OP/II/
*Tarikh:* 10 Disember 2013

**SENARAI EDARAN**

Tuan/Puan,

**PENYAMPAIAN MAKLUMAT AWAL INSIDEN DI HOSPITAL KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana pihak tuan/puan sedia maklum, kebelakangan ini banyak insiden seperti siling runtuh, kebakaran dan sebagainya berlaku di hospital/institusi KKM. Sebarang bentuk laporan insiden perlulah melalui proses yang betul agar maklumat yang disampaikan ke Pengurusan Tertinggi KKM tepat. Oleh yang demikian, satu carta aliran telah diwujudkan agar maklumat berkaitan insiden yang berlaku dapat disampaikan dengan betul dan tepat.

3. Bersama-sama ini dilampirkan carta aliran tersebut untuk makluman dan tindakan pihak tuan/puan selanjutnya. Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATUK CHIN GOO CHAI)
Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Kesihatan Malaysia

…PEREMPUAN ZAINAB II
KOTA BHARU, KELANTAN.

| | | | |
|---|---|---|---|
| PENGARAH | PKM / PERTAMA | PKD | RADICARE |
| TP (P) | 12 DEC 2013 TERIMA | | SIMPAT |
| TP (S) | | | TINDAKAN |
| TP (K) | KETUA JABATAN / UNIT | | MAKLUMAN |
| TP (U) | | FAIL | EDARAN |
| KPP (SM) | PPK (T) | PPK (Pbgn) | AKTN KN |

## Carta Aliran Penyampaian Maklumat Awal Insiden di Hospital Kerajaan Melalui Telefon/Sistem Pesanan Ringkas (SMS/MMS) dalam Tempoh Satu Jam

| Proses Carta Alir | Keterangan / Catatan |
|---|---|
|  | Staf/orang awam memaklumkan insiden kepada Pengurus Fasiliti di hospital<br><br>Pengurus Fasiliti (FM) memaklumkan kepada pihak berikut:-<br>1. Pengarah Hospital<br>2. Jurutera Operasi Hospital (JOHN)<br>3. Ibu pejabat Syarikat Konsesi PSH (CC HQ)<br><br>Jika insiden tersebut boleh diselesaikan, tindakan penyelesaian akan terus diambil oleh Pengurus Fasiliti / Pihak Hospital<br><br>Pengarah Hospital / CC HQ / JOHN memaklumkan insiden kepada pengurusan BPK<br><br>Jika perlu dilaporkan, BPK memaklumkan insiden *(critical event)* tersebut kepada Pengurusan Tertinggi KKM<br><br>Jika tidak perlu dilaporkan, tindakan penyelesaian terus diambil<br><br>Pengurusan Tertinggi KKM dimaklumkan |



Maklumat:-

1. Nama Hospital / Institusi
2. Waktu, tarikh insiden
3. Isu insiden/ Kerosakan / Tahap (terkawal/kritikal/ darurat)
4. Lokasi
5. Implikasi: Perkhidmatan / tempoh terjejas
6. Kemalangan / Kecederaan
7. Tindakan awal / status